

Kempen kesedaran jaga buah pinggang

Petaling Jaya: Sunway Medical Centre (SunMed) melancarkan kempen *30 Days to Happy Kidneys* bersama Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga buah pinggang.

Kempen yang bermula pada 12 Oktober lalu hingga 17 Januari 2016, menyediakan pelbagai aktiviti menarik kepada orang awam termasuk mempelajari fungsi dan amalan penjagaan buah pinggang.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sunway Medical Centre, Choo Voon Chee, berkata sebanyak 5,000 kes memabitkan pesakit kegagalan fungsi buah pinggang didiagnosis setiap tahun.

“Isu kesihatan ini bertambah serius dengan jumlah peningkatan sebanyak 50 peratus pesakit diabetes yang berakhir dengan kegagalan fungsi buah pinggang, manakala 60 peratus pesakit berakhir dengan diabetes.

“Kebanyakan pesakit buah pinggang di Malaysia berumur 50 sehingga 65 tahun mempunyai diabetes, tekanan darah dan kolesterol tinggi,” katanya pada majlis pelancaran kempen itu.

Voon Chee berkata, pihaknya memberi penekanan terhadap usaha mendidik masyarakat dan memberi pemahaman mengenai isu kesihatan awam seperti menjaga buah pinggang, di samping mengumpul derma untuk NKF.